

## SUKAN MALAYSIA IX, 2002 PERATURAN PERTANDINGAN ANGKAT BERAT

### 1.0 PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut "INTERNATIONAL WEIGHTLIFTING FEDERATION (IWF) DAN PERSEKUTUAN ANGKAT BERAT MALAYSIA (PABM)".
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, Undang-Undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak di nyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut :-
  - 1.3.1 Semua kejadian am akan diputuskan berasaskan kepada PERATURAN AM SUKAN MALAYSIA IX, 2002.
  - 1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasas kepada Undang-Undang IWF.
  - 1.3.3 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Angkat Berat SUKAN MALAYSIA IX, 2002 adalah muktamad.

### 2.0 TARIKH PERTANDINGAN

08 Sept hingga 12 Sept, 2002

### 3.0 TEMPAT PERTANDINGAN

Dewan Kementerian Pembangunan Luar Bandar  
Dan Keusahawanan, Sembulan,  
Kota Kinabalu.

#### 4.0 PENYERTAAN

4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua Negeri, Polis DiRaja Malaysia dan Universiti-Universiti Malaysia. Penyertaan hendaklah dibuat melalui Majlis Sukan masing-masing.

4.2 Setiap pasukan Negeri, PDRM dan MASUM boleh mendaftarkan satu (1) pasukan sahaja terdiri daripada:-

Pengurus pasukan	1 orang
Jurulatih	2 orang
Pengadil	1 orang
Peserta	<u>18 orang</u>
Jumlah	<u>22 orang</u>

4.3 Setiap pasukan dibenarkan mendaftarkan tidak lebih daripada dua (2) orang peserta bagi setiap kategori.

#### 5.0 KELAYAKAN PESERTA

5.1 Hanya peserta yang lahir pada tahun 1981 dan selepasnya sahaja layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.

5.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan dua (2) salinan Kad Pengenalan, dan tiga (3) keping gambar berukuran Pasport setiap peserta. Bagi peserta PDRM kesahihan tarikh lahir hendaklah disahkan oleh Pengerusi atau Setiausaha Majlis Sukan berkenaan PDRM. Peserta yang dipilih daripada anggota Angkatan Tentera Malaysia hendaklah menggunakan Kad Pengenalan BAT C 10 sebagai pengenalan rasmi masing-masing. Semua peserta yang mengguna dokumen pendaftaran JPN 1/9 atau 1/11 mestilah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Petaling Jaya sahaja.

5.3 Hanya peserta yang didaftarkan dengan Yuran pendaftaran RM 20.00 seorang mengikut Peraturan Am Perkara 6.2 sahaja yang layak menyertai pertandingan ini.

5.4 Semua peserta mestilah mempunyai Sijil Akuan Doktor mengesahkan peserta tersebut sihat dan layak bertanding.

Tanpa sijil Akuan Doktor peserta berkenaan tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini. Sijil Akuan Doktor hendaklah dibuat di negeri masing-masing.

- 5.5 Pengurus-Pengurus pasukan hendaklah menyerahkan Sijil Akuan Doktor kepada Pengarah/Pegawai pertandingan dalam masa tiga puluh (30) minit sebelum pertandingan dimulakan.
- 5.6 Peserta-peserta gantian dikemukakan selepas tarikh tutup pendaftaran/semasa Mesyuarat Pengurus pasukan akan dikenakan Yuran pendaftaran RM 20.00 seorang. Semua yuran pendaftaran peserta tidak akan dikembalikan.
- 5.7 Seseorang pemain kebangsaan hanya dibenarkan menyertai seperti mengikut Peraturan Am Perkara 4.6.
- 5.8 Taraf permastautin peserta adalah tertakluk kepada Peraturan Am Perkara 20.11.
- 5.9 Tertakluk kepada Peraturan Am Perkara 20.7, peserta yang berkhidmat dengan PDRM serta pelajar-pelajar yang sedang menuntut di pusat pengajian tinggi yang bergabung dengan MASUM tidak boleh mewakili mana-mana kontingen/negeri kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Sukan yang berkenaan.
- 5.10 Atlet-atlet yang sedang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi yang mendapat biasiswa/dermasiswa daripada Kerajaan negeri hendaklah dibenarkan mewakili negeri yang menaja mereka.

## 6.0 MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1 Mesyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.
- 6.2 Pengurus-pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta beserta dengan Kad Pengenalan atau BAT C 10 atau dokumen Pasport Antarabangsa atau dokumen Pendaftaran JPN 1/9 atau JPN 1/11 yang asal untuk

disahkan. Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.

- 6.3 Senarai peserta yang telah disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

## 7.0 KATEGORI KELAS BERAT BADAN

- 7.1 Tidak melebihi 52 kg
- 7.2 Tidak melebihi 56 kg
- 7.3 Tidak melebihi 62 kg
- 7.4 Tidak melebihi 69 kg
- 7.5 Tidak melebihi 77 kg
- 7.6 Tidak melebihi 85 kg
- 7.7 Tidak melebihi 94 kg
- 7.8 Tidak melebihi 105 kg
- 7.9 Melebihi 105 kg

## 8.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 8.1 Pertandingan ini akan dijalankan mengikut sistem IWF. Setiap pertandingan mengandungi dua (2) jenis Kelas angkatan iaitu SNATCH AND CLEAN AND JERK. Tempoh masa bagi setiap jenis angkatan adalah mengikut sistem IWF.
- 8.2 Undian dan jadual pertandingan akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Angkat Berat.

## 9.0 TIMBANG BADAN

- 9.1 Timbang Badan akan dijalankan seperti mana yang dikehendaki oleh Peraturan IWF.

- 9.2 Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan akan melantik pegawai-pegawai bagi menguruskan timbang badan.

## 10.0 PAKAIAN

- 10.1 Setiap peserta hendaklah memakai pakaian Angkat Berat (Lifting Suit), Kasut Angkat Berat dan baju 'T' rasmi pasukan masing-masing. Pakaian atau Baju yang berbentuk iklan tidak boleh dipakai semasa pertandingan dijalankan.
- 10.2 Setiap peserta hendaklah mematuhi tatacara pemakaian mengikut peraturan IWF.

## 11.0 PERALATAN ANGKAT BERAT

- 11.1 Semua Peralatan Angkat Berat semasa pertandingan hendaklah mengikut Spesifikasi yang dibenarkan oleh IWF.

## 12.0 PENGADIL/HAKIM

- 12.1 Setiap pasukan hendaklah membawa seorang (1) pengadil yang bertauliah sekurang-kurangnya gred II IWF/Kebangsaan bersama pasukan masing-masing. Perlantikannya akan ditentukan oleh Persekutuan Angkat Berat Malaysia (PABM).
- 12.2 Pengarah Pertandingan dan Delegat Teknikal akan dilantik oleh Persekutuan Angkat Berat Malaysia yang akan berhubung terus dengan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan SUKAN MALAYSIA IX, 2002.
- 12.3 Semua keputusan yang dibuat oleh Pengadil/Pegawai pertandingan adalah muktamad.

## 13.0 BANTAHAN / TATATERTIB

- 13.1 Semua pasukan boleh membuat bantahan. Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 200.00 tunai.

- 13.2 Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.
- 13.3 Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengarah/Pegawai Pertandingan dalam masa tiga puluh (30) minit selepas pertandingan itu tamat.

#### 14.0 JAWATANKUASA BANTAHAN/TATATERTIB

- 14.1 Perlantikan Jawatankuasa bantahan/Tatatertib dan prosedur aturcara mesyuarat adalah mengikut yang digunakan oleh Persekutuan Angkat Berat Malaysia seperti berikut :-
- 14.1.1 Pengarah Pertandingan atau wakilnya.
- 14.1.2 Delegat Teknikal atau wakilnya.
- 14.1.3 Tiga (3) orang Pengurus Pasukan yang tidak terlibat dalam Kes Bantahan/Tatatertib itu.
- 14.2 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib berhak mendapatkan sebarang maklumat dari mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat sesuatu keputusan.

#### 15.0 HADIAH-HADIAH

- 15.1 Pingat-pingat kemenangan akan diberikan kepada tiga (3) jenis pertandingan bagi satu acara seperti berikut :-
- 15.1.1 Terbaik Angkatan SNATCH
- 15.1.2 Terbaik Angkatan CLEAN & JERK
- 15.1.3 Terbaik Angkatan KESELURUHAN (total)  
Contoh - 50kg Keseluruhan

#### 16.0 JUMLAH PINGAT

- 16.1 Jumlah pingat yang akan diberi adalah seperti berikut:-

EMAS            PERAK            GANGSA

1	Tidak melebihi 52 kg	3	3	3
2	Tidak melebihi 56 kg	3	3	3
3	Tidak melebihi 62 kg	3	3	3
4	Tidak melebihi 69 kg	3	3	3
5	Tidak melebihi 77 kg	3	3	3
6	Tidak melebihi 85 kg	3	3	3
7	Tidak melebihi 94 kg	3	3	3
8	Tidak melebihi 105 kg	3	3	3
9	Melebihi 105kg	3	3	3
		<hr/>	<hr/>	<hr/>
		27	27	27

16.2 Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk Peraturan Tetap 14.3.

Disediakan oleh :  
 Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan  
 SUKAN MALAYSIA IX, 2002  
*peraturan am sukma 2002/230301/ABERAT/AZHAR*